

AD Empower Ukrainian Children's Future Help War-Impacted Kids Access Education UKRAINE FRIENDS Donate

Sultan Pahang nasihat anggota keselamatan jaga diri ketika padam kebakaran hutan

Oleh Asrol Awang - April 9, 2024 @ 7:34am
bhnews@bh.com.my



Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah berangkat ke Pos Kawalan Bomba di Inderapura Jaya, semalam. - Foto ihsan FB Kesultanan Pahang

KUANTAN: Anggota pasukan keselamatan yang terbabit dalam operasi pemedaman kebakaran hutan di sekitar Jalan Kuantan-Pekan, di sini dinasihatkan sentiasa menjaga keselamatan ketika bertugas.

Pada masa sama, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut mengucapkan terima kasih di atas segala jasa dan keringat mereka yang terpaksa bertugas siang dan malam walaupun menjelang sambutan Aidilfitri.

Menerusi hantaran Facebook rasmi Kesultanan Pahang, Al-Sultan Abdullah berkenan berangkat ke Pos Kawalan Bomba di Inderapura Jaya, di sini semalam.

"Kebawah Duli Paduka Baginda berangkat dengan memandu sendiri ke pos kawalan tiba pada jam 7 petang bagi meninjau kawasan kebakaran serta mendengar sembah taklimat berkenaan kebakaran hutan yang berlaku di sekitar Jalan Kuantan-Pekan itu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Al-Sultan Abdullah titah masjid laksana solat Istisqa' mohon hujan
- Segera sempurnakan projek tangani banjir demi kebaikan rakyat - Agong
- Bukan simbol 'rock', tapi 'I love you'
- 23 daripada 30 hektar hutan tanah gambut terbakar sudah dipadamkan

"Mengiringi keberangkatan baginda, Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah.

"Baginda meluangkan masa kira-kira satu jam setengah bersama pasukan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pahang, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Baginda turut berkenan terbuka puasa bersama anggota pasukan keselamatan yang terbabit serta menunaikan solat maghrib berjemaah sebelum berangkat pulang," menerusi hantaran itu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Datuk Dr Wan Mohammad Zaidi Wan Isa.

Difahamkan, keadaan cuaca panas menyebabkan hutan terutama di kawasan tanah gambut yang kering terdedah kepada kebakaran.

Selain kawasan Inderapura, Indera Sempurna, Balok dan Gebeng antara kawasan yang turut berlaku kebakaran hutan.

AD Preserve and scale YOUR CONNECTION WITH IT COMMUNITY Join IT Cluster in the Cloud

TERKINI	PILIHAN PEMBACA
16m	'Saya akan beri kerjasama kepada polis' - Hafizul
18m	Pengurusan konflik 3R perlu bijak, berhikmah kukuh perpaduan rakyat
19m	Dolar AS terus mengukuh, ringgit dibuka rendah
19m	MKN fokus mantapkan kerjasama agensi kawal keselamatan di sempadan
21m	Hapus amalan 'silo' perkasa industri halal negara
22m	'Barat perlu kawal Israel atau terima tindak balas lebih kuat daripada sebelumnya'
26m	Ten Hag, rakan sepasukan kecewa dengan Garnacho
28m	Bursa Malaysia dibuka rendah menjejak penurunan Wall Street

AD Uaid foundation Determined and effective Support Ukrainian volunteers in making a bigger impact

AD Empower Ukrainian Children's Future Help war-impacted kids access education UKRAINE FRIENDS Donate Now

TRENDING

- NASIONAL 16 minit yang lepas 'Saya akan beri kerjasama kepada polis' - Hafizul
- NASIONAL 2 jam yang lepas Hafizul ditahan reman 7 hari
- LAIN-LAIN (SUKAN) 3 jam yang lepas Penganjur maraton siasat kemenangan pelari China
- ASIA 4 jam yang lepas